

FALSAFAH DAN SISTEM PENDIDIKAN: PERBANDINGAN ANTARA PLATO DAN IBN SĪNA

Oleh:
Idris Zakaria

Abstract

*Education is an important mechanism in building human civilization. This article focuses on the philosophy and the system of education as proposed by Plato in his *The Republic* and *The Laws* as well as Ibn Sīna in his *Kitāb al-Siyāsa*.*

Pendidikan dilihat oleh Plato dan Ibn Sīna sebagai mekanisme pembentukan manusia yang sangat penting. Kedua-dua tokoh tersebut berhasrat untuk membentuk negara ideal dan keluarga bahagia. Esei ini membahaskan falsafah dan sistem pendidikan yang diajukan oleh Plato seperti yang tertera dalam dua buah karyanya iaitu *The Republic* dan *The Laws*, dan Ibn Sīna seperti yang dipaparkan misalnya dalam *Kitāb al-Siyāsa*. Pendidikan menurut mereka perlu bermula semasa kanak-kanak lagi, kemudian ia perlu berjalan hingga ke tahap pengajian tinggi. Plato mengemukakan sistem yang komprehensif di mana seseorang itu perlu belajar dari usia kanak-kanak hingga ke usia tiga puluh lima tahun, sementara Ibn Sīna tidak sampai ke tahap itu. Tujuan utama Plato adalah untuk melahirkan pemimpin negara yang kaya ilmu dan pengalaman, sementara Ibn Sīna mementingkan pembinaan keluarga bahagia.

1

PLATO (428 B.C.)

Telah begitu banyak tulisan para sarjana yang mengkaji tentang Plato dari pelbagai sudut. Namun untuk keperluan tulisan ini adalah wajar satu gambaran ringkas tentang latarbelakang Plato dijelaskan demi membantu pembaca untuk memahami asal-usul pemikirannya. Plato dilahirkan pada tahun 428 B.C. di Athen dalam sebuah keluarga Aristokrasi yang terkenal. Ada antara ahli keluarganya memegang peranan penting dalam politik Athen.¹ Berdasarkan latarbelakang ini menurut George H. Sabine, ramai orang berpendapat bahawa sikap Plato yang kritis terhadap demokrasi adalah disebabkan oleh realiti beliau sebagai salah seorang yang berketurunan bangsawan.² Pernah salah seorang dari kaum keluarganya terlibat dalam revolusi Oligarki pada tahun 404 S.M.³ Beliau sendiri bercita-cita untuk menceburkan diri dalam arena politik.⁴ Hal ini ada disebutkan dalam bukunya *Epistle iiv* (324 - 326), di mana beliau menekankan bahawa suasana sosial dan politik sewaktu beliau hidup telah mendesak agar beliau turut serta dalam politik.⁵

Dari segi sejarah, beliau hidup pada masa Athen sedang menempuh jalan kemunduran setelah mencapai kedudukan yang cemerlang di dalam segala lapangan. Salah satunya ialah pergolakan politik yang telah mengeruhkan suasana sosial waktu itu. Kekuasaan Aristokrasi, Oligarki dan Demokrasi silih berganti menjadikan suasana politik sentiasa gawat. Kezaliman berleluasa dan Kuasa politik disalahgunakan. Dan yang paling klimak dalam hidupnya ialah kezaliman yang luar biasa yang berlaku pada gurunya Socrates. Socrates dihukum mati kerana didakwa sebagai

¹ Ernest Barker, 1960, *Greek Political Theory*, London: Methuen, hlm. 126-127.

² Sabine, G.H., 1973, *A History of Political Theory*, New Delhi: Oxford & IBH. Pub., hlm. 49.

³ *Ibid.*

⁴ *The Encyclopedia of Philosophy*, vol. 5-6, s.v. "Plato".

⁵ *The Encyclopedia Britannica*, vol. 18, s.v. "Plato".

mengkhianati golongan muda. Kematian itu menurut C.L. Wayper telah menukar sejarah dan pemikiran Plato:

“His death was perhaps the most important event in Plato’s life, turning him from politics to philosophy.”⁶

Kecenderungan untuk terjun dalam dunia politik telah bertukar kepada pengabdian dalam bidang ilmu dan falsafah. Tetapi falsafah itu pun pada dasarnya adalah untuk membela gurunya Socrates:

“His philosophizing may be said to have begun with a simple purpose to vindicate his beloved teacher.”⁷

Kematian dan peristiwa kematian gurunya itu telah memberi kesan yang sangat mendalam pada dirinya. Beliau waktu itu sudah berusia 28 tahun.⁸ Selepas kematian tragis itu pemikiran dan kehidupan Plato berubah. Beliau merumuskan bahawa negara yang buruk atau tidak sempurna hanya layak untuk orang-orang yang tidak sempurna juga. Sementara orang-orang yang baik, bijak dan mulia budi pekerti tidak sesuai bermastautin dalam negara yang seperti itu. Plato meneruskan falsafah Socrates dengan bertindak mengajar dan mendidik pemuda Athen mengerti falsafah Socrates yang akhirnya beliau mahu membentuk masyarakat baik yang berilmu dan seterusnya negara yang ideal. Penulisan buku *The Republic* itu sendiri menurut John Wild adalah untuk orang-orang yang baik-baik seperti Socrates:

“An attempt to describe a sound and rational community in which a man like Socrates could feel at home.”⁹

Sehubungan dengan kesedaran tersebut Plato berusaha mereformasi masyarakat Athen khasnya golongan muda melalui institusi ilmu yang diberi nama “Academy”. Di sinilah Plato, sejak

⁶ Wayper, C.L., 1958, *Political Thought*, London: E.C.I, hlm. 12.

⁷ Frankel, C., 1973, *The Pleasure of Philosophy*, hlm. 95.

⁸ Durant, W., 1974, *The Story of Philosophy*, New York (27th. Printing), hkm. 12.

⁹ Wild, John, 1960, “The Concept of Man: A Study in Comparative Philosophy” dalam S. Radhakrishnan dan P.T. Raju *The Concept of Man: A Study in Comparative Philosophy*, London; Muslim House, George Allen & Unwin Ltd., hlm. 70.

berusia 40 tahun, pada tahun 387M., sampai meninggalnya dalam usia 80 tahun, mengajar falsafah dan menulis untuk para pelajarnya dan juga kita di hari ini.

2

IBN SĪNA (980 - 1037M)

1. IBN SĪNA (980 - 1037M)

Ibn Sīna, yang dikenali di Eropah sebagai Avicenna dianggap sebagai "the greatest Muslim thinker and the last of the Muslim philosopher in the East".¹⁰ Ia dilahirkan pada 980M. di sebuah kampung bernama Afshānah di daerah Kharmaisān di Bukhārā.¹¹ Hidupnya diabadikan dalam dunia ilmu pengetahuan. Sejak kecil beliau mempelajari al-Quran, kemudian beliau mempelajari satu demi satu ilmu seperti falsafah, geometri, ilmu hisab, fekah, logik, perubatan dan lain-lain. Dalam tulisan mengenai dirinya sendiri, Ibn Sīna menceritakan:

"A teacher of the Quran and a teacher of literature were provided for me and when I reached the age of ten I had finished the Quran and many works of literature, so that people were greatly amazed at me".¹²

Dalam sejarah pendidikannya Ibn Sīna dibimbing oleh bapanya sendiri - 'Abdullah - dan lain-lain guru yang dipilih oleh keluarganya sendiri. Bapanya, seorang yang ada kecenderungan Isma'īliyyah dari Mesir¹³, juga peminat falsafah kumpulan Ikhwān al-Ṣafā. Dari perbincangan-perbincangan akademik yang

¹⁰ Ali Mahdi Khan, 1973, *The Elements of Islamic Philosophy*, Lahore; S.H. Muhammad Ashraf, hlm. 61.

¹¹ Ibn Abī Usaybi'ah, 1965, *'Uyūn al-Anbā' fī Ṭabaqāt al-Aṭibbā'*, Beirut: Dār al-Thaqāfah, vol. 3, hlm. 3-9.

¹² Gohlman, William, E., 1974, *The Life of Ibn Sīna*, Albany: New York: State University, hlm. 17.

¹³ Soheil M. Afnan, 1958, *Avicenna: His Life and Works*, London: George Allen & Unwin Ltd., hlm. 4-5.

keluarganya adakan saban hari, Ibn Sīna mula memberi perhatian terhadap falsafah dan segala bidangnya. Dari mereka, ia melaporkan:

“I, as well as my brother, heard the account of the soul and the intellect in the special manner in which they speak about it and know it. Sometimes they used to discuss this among themselves while I was listening to them and understanding what they were saying, but my soul would not accept it, and so they began appealing to me to do it (meant to accept the Ismā‘īlī doctrines).”¹⁴

Kemudian, bermula dari itu, tetamu-tetamu dari Egypt aliran Isma‘īliyyah yang datang ke Bukhāra, telah dijemput tinggal dengan keluarganya. Ibn Sīna mengambil kesempatan itu untuk mempelajari beberapa subjek penting seperti “philosophy, psychology, logic, Greek and Indian mathematics”.¹⁵ Tetapi tokoh yang banyak berjasa pada Ibn Sīna ialah seorang sarjana falsafah Abū ‘Abd Allāh al-Natīlī. Ibn Sīna menceritakan, “my father had him stay in our house and he devoted himself to educating me”.¹⁶ Dari tokoh inilah Ibn Sīna mempelajari falsafah Greek, logik, geometri, metafizik dan sains tabi‘i. Selepas al-Natīlī meninggalkan Bukhāra, Ibn Sīna meneruskan sendiri mempelajari ilmu pengetahuan. “When he reached the age of eighteen he finished with all of those sciences and got more mature.”¹⁷ Sepanjang hidupnya beliau melibatkan diri terus menerus dalam bidang falsafah dan menghasilkan kira-kira 276 tulisan termasuk buku, komentar, risalah, esei dalam falsafah dan pelbagai bidang yang lain.

Ibn Sīna Dan Falsafah Greek

Ibn Sīna mempunyai hubungan yang akrab dan mahir dengan tradisi falsafah Greek. Ini diakui oleh al-Ghazālī dalam *al-Munqidh min al-Dalāl* sewaktu beliau membuat pembahagian ilmu falsafah.

¹⁴ Gohlman, *The Life of Ibn Sīna*, hlm. 19.

¹⁵ Khan, Ali Mahdi, *The Elements of Islamic Philosophy*, hlm. 61.

¹⁶ Gohlman, *The Life of Ibn Sīna*, hlm. 21.

¹⁷ Afnan 1958, *Avicenna*, hlm. 59-60.

Ada ahli falsafah Islam yang dikafirkan oleh al-Ghazālī. Antara nama yang disentuh adalah Ibn Sīna:

“... sebab itu wajiblah dikafirkan mereka dan dikafirkan juga pengikut-pengikut mereka yang terdiri dari orang Islam yang ingin berfalsafah seperti Ibn Sīna, al-Fārābī dan seumpamanya. Hanya al-Fārābī dan Ibn Sīna sahaja dari begitu ramai orang Islam yang hendak berfalsafah berjaya dengan sepenuhnya memudahkan ilmu Aristotle. Manakala usaha orang lain didapati dangkal, bercampur-aduk dan tak tahu hujung pangkal, hingga tak dapat difaham. Perkara yang tak boleh difaham bagaimana boleh ditolak atau diterima”.¹⁸

Maksud al-Ghazālī di sini ialah dalam banyak nama ahli-ahli falsafah Islam yang diilmukan oleh tradisi intelektual Greek, didapati al-Fārābī dan Ibn Sīna yang sangat mahir falsafah asing itu. Dua tokoh ini bukan sahaja arif, malah boleh membuat komentar bahan-bahan intelek Greek tersebut. Tokoh-tokoh lain tidak sampai ke tahap ini.

Ibn Sina tidak begitu banyak menyumbangkan fikirannya dalam bidang falsafah politik secara khusus seperti yang dibuat oleh Plato atau al-Fārābī. Tetapi beliau ada di sana sini dalam berbagai tulisannya memasukkan idea-idea politik. Asas-asas pemikirannya dalam bidang ini dapat dilihat misalnya dalam makalah ke-10 mengenai metafizik dalam *al-Shifā'*. Sebahagian dari pemikiran itu diulang lagi dalam *al-Najāt* dan *al-Ishārāt wa Tanbīhāt*, walaupun buku akhir ini lebih tertumpu kepada persoalan bersifat mistik. Sementara kitab *al-Siyāsa* pula menjelaskan persoalan-persoalan teknikal pengurusan rumahtangga tanpa meninggalkan aspek falsafah di dalamnya.

Ibn Sīna didapati memiliki kekurangan berbanding dengan Plato dan al-Fārābī dari sudut penghasilan tulisan-tulisan dalam bidang falsafah politik, tetapi beliau ada juga kelebihan iaitu penglibatan langsung dalam arena pentadbiran dan politik seperti susunan berikut:

¹⁸ Al-Ghazālī, A. Ḥamīd, 1955, *Al-Munqīdh min al-Dalāl*, ed. Dr. A. H. Maḥmūd, Kaheerah: Maktabah al-Anglo al-Misriyyah, hlm. 100.

- (1) Pegawai Daerah di Bukhāra menggantikan arwah bapanya.
- (2) Penasihat peribadi kepada Sultan Nūḥ bin Mansūr di Bukhāra.
- (3) Penasihat kepada Sultan Alaud-Dawlah di Isfahān.
- (4) Wazir pada sultan Shams al-Dawlah di Hamadhān.
- (5) Perdana Menteri di Hamadhān.¹⁹

Tulisan ini berhasrat melihat persamaan dan perbezaan teori Plato dan Ibn Sīna dari sudut falsafah dan sistem pendidikan. Kedua-dua mereka telah memberi perhatian terhadap subjek ini, dan kedua-dua mereka telah menyumbang sesuatu untuk masyarakatnya.

3 HUBUNGAN PENDIDIKAN DAN NEGARA IDEAL PLATO

Matlamat Negara Ideal Plato seperti yang dinyatakan dalam *The Republic* tidak akan muncul menjadi kenyataan tanpa adanya suatu sistem pendidikan dan pembelajaran yang membawa kepada pencapaian objektif itu. Dan pendidikan itu pula bukanlah terhadap kepada sesuatu kumpulan atau kelas masyarakat sahaja. Sebaliknya ia terbuka untuk semua rakyat. Dengan sebab itu pendidikan dan pembelajaran ini adalah urusan penting bermula dari usia masih muda hinggalah ke akhir hayat.²⁰ Pandangan Plato tentang sistem ini diutarakan dalam Buku '*Republic*' khususnya Buku ke VII.²¹ Walaupun begitu perkara ini ada beliau kemukakan di bahagian terdahulu dari bahagian itu.

¹⁹ Copleston, F. C., 1972, *A History of Medieval Philosophy*, London: Methuen, hlm. 110 dan Walzer, R., 1962, *Greek Into Arabic*, Harvard, u.p., hlm. 141.

²⁰ Hyde, W. D., 1913, *The Five Great Philosophies of Life*, New York: The MacMillan Co., hlm. 131.

²¹ Nettleship, R. R., 1964, *Lectures on the Republic of Plato*, London: MacMillan Co., hlm. 77-82.

Intisari dari dasar etika-siyasah Plato ialah untuk mencapai ide perjuangannya iaitu 'kebaikan adalah pengetahuan' (*virtue is knowledge*), yang merupakan kelangsungan dari ajaran gurunya Socrates.²² Oleh itu suatu rencana pendidikan yang teratur serta menyeluruh perlu diadakan dalam usaha mencapai ide falsafah ini. Pendidikan adalah mekanisma penting untuk melahirkan rakyat yang baik, "good education makes good citizens and good citizens helped by good education..."²³

Rencana untuk mengadakan suatu sistem pendidikan dengan kemestian belajar yang diatur oleh pemerintah ini adalah suatu penemuan penting dalam amalan kenegaraan Athen yang dikemukakan oleh Plato. Semua rakyat termasuk kaum wanita diwajibkan belajar. Ini tentunya merupakan suatu tindakan yang sangat baik kepada negara. Dari satu segi, ini adalah satu kritik yang tajam terhadap sistem Athen waktu itu di mana wanita adalah terkecuali dari kemestian belajar. Proses penerimaan pelajaran adalah hak istimewa kaum lelaki. Tempat dan bidang tugas wanita menjalankan fungsinya hanya dalam rumahtangga sahaja.²⁴ Sistem Plato berlainan dari segi ini. Pada Plato, malahan gurunya Socrates tidak berapa mengambil peduli tentang perbezaan jantina ini. Oleh sebab itu wanita harus dididik sama dengan lelaki dan harus memikul tugas dan tanggungjawab seumpama lelaki, misalnya menjadi Anggota Pasukan Keselamatan, yang bertugas menjaga keamanan negara.²⁵

Pada asasnya sistem pendidikan Plato itu dibahagikan kepada dua bahagian iaitu pendidikan asas meliputi kanak-kanak sampai kira-kira 20 tahun serta berakhir dengan kewajipan ketenteraan dan pendidikan tingkat tinggi. Pendidikan ini adalah dimaksudkan untuk orang-orang yang terpilih sama ada belia ataupun beliawanis yang nantinya akan menduduki tampok pimpinan negara.

²² Grube, G.M.A., 1968, *Plato Thought*, Boston: Beacon Press, hlm. 216.

²³ Plato, 1966, *The Republic*, ed. I.A Richards, London: Cambridge Univ. Press, b. IV: hlm. 424.

²⁴ Sabine, *A History of Political Theory*, hlm. 68-69.

²⁵ Plato, *The Republic*, b. IV: hlm. 452-54.

Pendidikan ini berlangsung dari usia 20 tahun sampai 35 tahun.²⁶

Pendidikan asas yang digambarkan dalam '*Republic*' lebih merupakan perubahan dari suatu sistem yang telah ada. Dalam garis besarnya dapat dikatakan, bahawa perubahan itu wujud hasil perpaduan pendidikan yang biasanya diberikan kepada anak para bangsawan Athen dengan pendidikan di bawah pengawasan pemerintah yang diberikan kepada belia Sparta dan dibuat pembaharuan antara keduanya itu. Oleh kerana itu kurikulum pelajarannya dibahagikan kepada dua bahagian iaitu olahraga untuk melatih jasmani dan muzik untuk mendidik rohani.²⁷

Menurut Plato pendidikan kanak-kanak dari umur 10 tahun ke atas adalah menjadi tanggungjawab negara dan bukan kewajipan ibubapa. Dalam bahagian Buku II, Plato menjelaskan dasar yang terutama bagi pendidikan peringkat kanak-kanak itu ialah gimnastik dan muzik. Tetapi antara keduanya, gimnastik yang diberi keutamaan.²⁸ Pelajaran ini diharapkan dapat menyihatkan fizikal dan mental.²⁹ Di samping itu diberikan juga pelajaran membaca, menulis dan mengira.

Dari usia 14 hingga 16 tahun pula kanak-kanak itu diajarkan muzik, puisi dan sajak. Muzik itu dapat menanam perasaan halus di jiwa dan kerana muzik jiwa akan mengenal harmoni dan irama. Kedua-duanya adalah landasan yang baik untuk menghidupkan "keadilan". Dalam pada itu lagu-lagu serta irama perlu dijauhkan dari unsur-unsur yang dapat melemahkan jiwa serta mudah menimbulkan perasaan dan nafsu buruk. Samalah juga dengan puisi. Puisi yang berunsur buruk dihindarkan. Manakala pendidikan muzik serta gimnastik harus seimbang.³⁰

Sementara dari usia 16 hingga 18 tahun, kanak-kanak yang sudah menjelang dewasa ini akan diberi pelajaran matematik untuk

²⁶ Sabine, *A History of Political Theory*, hlm. 68-69 dan Durant, *The Story of Philosophy*, hlm. 23-32.

²⁷ Plato, *The Republic*, b. III: 410 dan b. IV, hlm. 525.

²⁸ *Ibid.*

²⁹ *Ibid.*

³⁰ Wild, *The Concept of Man*, hlm. 70-71.

mendidik jalan fikirannya. Di samping itu, diajarkan juga soal-soal agama dan adab sopan supaya dengan itu akan lahir rasa persatuan. Sesuatu bangsa itu akan bertambah kuat jika mereka percaya kepada Tuhan.³¹ Pendidikan ini mengasuh jiwa pemuda-pemudi agar bersifat berani dan sedia berkorban. Dengan sebab itu pemuda-pemudi dari usia 18 hingga 20 tahun, mereka akan diberikan didikan ketenteraan.

Tiba pada usia 20 tahun, diadakan pilihan (yakni peperiksaan) yang pertama. Pelajar-pelajar yang berjaya dalam ujian awal ini akan diberi peluang melanjutkan lagi pelajaran mereka dengan lebih mendalam dan teratur. Pendidikan fikiran, jiwa dan fizikal adalah seimbang. Apabila sudah menerima pendidikan ini selama 10 tahun iaitu ketika berusia 30 tahun, mereka dikehendaki pula menjalani ujian peringkat kedua, di mana syaratnya lebih ketat dan lebih teliti dari ujian permulaan tadi. Mereka yang gagal dalam ujian ini akan diterima masuk ke dalam pentadbiran kerajaan selaku pegawai pentadbir. Sementara mereka yang berjaya pula, biasa dalam jumlah yang sedikit, akan berpeluang meneruskan lagi pelajaran mereka untuk selama 5 tahun lagi.³² Di peringkat ini pelajaran mereka bertambah berat. Antara kurikulumnya ialah ilmu pengetahuan mengenai "adanya" (*of being*) ajaran tentang idea dan dialektik.

Apabila tamat pengajian, mereka ini akan berpeluang mendapat kedudukan tinggi dengan memegang jawatan yang lebih tinggi. Setelah 15 tahun berkhidmat untuk negara iaitu dalam lengkungan usia 50 tahun, mereka ini akan meningkat ke satu tahap lagi iaitu diterima masuk di dalam golongan pemerintah tertinggi sekaligus adalah failasuf. Pengetahuan dan pengalaman yang sedia ada pada mereka itu sudah cukup baik untuk melaksanakan tugas tertinggi negara; iaitu menegakkan keadilan berdasarkan kepada ide kebaikan.³³

³¹ Plato, *The Republic*, b. II: hlm. 379-38.

³² Plato, *The Republic*, b. IV: hlm. 566-37.

³³ *Ibid.*

Plato memandang berat pendidikan pada tahap akhir kerana tahap ini menjadi pengantar kepada falsafah. Pengetahuan ini akan membawa kepada kefahaman ide kebaikan dan kebenaran. Dalam syarahannya mengenai pelajaran ini Richard L. Nettelship menyebut bahawa Plato memberi perhatian utama di tahap ini³⁴ kerana generasi yang terdidik ini akan menaiki tahap penting dalam pimpinan negara.

Plato juga menekankan soal moral atau akhlak yang tinggi. Kuasa dan kekuatan yang ada di tangan angkatan tentera tidak selamat jika hanya bergantung kepada kualiti peperangan yang baik. Apa yang penting ialah moral yang tinggi dan juga kecerdikan yang tinggi. Pelajaran dan pendidikan adalah tenaga ke arah pencapaian itu. Penekanan ini dibuat memandangkan bahawa merekalah yang akan diterima ke dalam golongan pemerintah negara nanti. Oleh itu pelajaran, kekuatan, moral dan intelektual diberikan serentak dalam tingkat yang seimbang.

Kesimpulannya, asas pendidikan dan pembelajaran yang penting bagi “*guardians*” ialah muzik, meliputi kesenian, peradaban, syair dan seumpamanya yang dapat membentuk kesucian jiwa dan keduanya kesukanan yang akan menguat dan menyihatkan fizikal serta mental mereka sendiri sehingga menjadikan mereka sentiasa dalam keadaan cergas, kuat mantap, sihat dan sebagainya lagi. Semua faedah-faedah ini boleh didapati dari skima pelajaran dan pembelajaran Plato.³⁵

4

***Kitāb al-Siyāsa* dan Pengurusan Rumahtangga Ibn Sīna**

Selain buku-buku, Ibn Sīna banyak menulis risalah dalam pelbagai tajuk. Soheil M. Afnān dalam bukunya *Avicenna: His Life and Works* menyebut: “There are a good many minor treatises attributed to Ibn Sīna not all of which are authentic. One of these, the authenticity of which has been reasonably established, is entitled

³⁴ Nettelship, *Lectures on the Republic of Plato*, hlm. 77.

³⁵ *Ibid*, hlm. 77-130 dan Wild, *The Concept of Man*, hlm. 70-73.

the Book of Politics (*Kitāb al-Siyāsa*).³⁶ Tulisan ini menurut Erwin I.J. Rosenthal "is devoted to ethics and economics, and the regimen of the household which comprises the master of the family, his wife children and servants".³⁷ Teks ini telah diedit oleh ramai sarjana, antaranya F. Luwis Ma'luf, Taysir Shaikh al-Ard, Dr. 'Abd al-Amirz Shamsuddīn dan Dr. Fu'ād al-Mun'im Ahmad. Sementara sarjana yang pernah mengkajinya pula ialah 'Umar Farrūkh, Soheil M. Afnān, Hanna al-Fākhūrī, Erwin I.J., Rosenthal, Dr. Ridhuan al-Sayyid dan Dr. Hashjim Nashabat, Fauzi M. Najjar dan lain-lain lagi.

Kitab ini disusun dalam enam bab iaitu:³⁸

- (1) *Ikhtilāf Aqdār al-Nās Wa Tafāwut Ahwāluhum Sabab Baqā'ihim* (Kelainan tahap-tahap manusia dan situasi kehidupan antara mereka adalah sebab untuk kekal hidup)
- (2) *Fī Siyāsa al-Rajul Nafsuh* (Pengurusan Diri)
- (3) *Fī Siyāsa al-Rajul Dakhaluhū wa Kharajah* (Pengurusan Pendapatan dan Perbelanjaan)
- (4) *Fī Siyāsa al-Rajul Ahluh* (Pengurusan Keluarga)
- (5) *Fī Siyāsa al-Rajul Waladuh* (Pengurusan Anak-anak)
- (6) *Fī Siyāsa al-Rajul Khadamuh* (Pengurusan Pembantu Rumah).

Dalam kesempatan ini, saya hanya akan menumpukan kepada perbincangan dalam bab yang ke-5: "*Fī Siyāsa al-Rajul Waladuh*" yang membicarakan tentang tanggungjawab ibubapa dalam hal pendidikan anak-anak dan sistem serta falsafah pendidikan Ibn Sīna.

³⁶ Afnan, *Avicenna*, hlm. 11-19.

³⁷ Rosenthal, E.I.J., 1968, *Political Thought in Medieval Islam*, Cambridge, hlm. 142.

³⁸ Ibn Sīna, 1982, *Kitāb al-Siyāsa* ed. Fu'ād A. Mun'im Ahmad, Alexandria: Muassasah Shabāb al-Jāmi'ah, hlm. 80-109.

Sistem dan Falsafah Pendidikan

Ibn Sīna meletak tanggungjawab besar di bahu ibubapa untuk penyempurnaan pendidikan anak-anak. Sebelum berbicara lebih detil terhadap isu pendidikan ini, terlebih dahulu, beliau menekankan unsur pemilihan nama bagi anak-anak. Menurut beliau anak-anak mesti diberi nama yang baik.³⁹ Tegasan ini memberi makna bahawa ada faedah dan implikasi psikologi tertentu terhadap pemilihan nama ini. Ibn Sīna mungkin menyerap masuk ke dalam sistem berfikirnya beberapa ide penting dari ajaran Islam yang jelas menegaskan tentang pemilihan nama yang baik ini. Islam amat menekankan soal pemilihan nama yang baik ini. Susunan sistem dan falsafah pendidikan beliau adalah seperti berikut:

(i) Pendidikan Akhlak

Ibn Sīna menegaskan pendidikan perlu bermula selepas sahaja kanak-kanak itu tamat penyusuannya (*al-radā'ah*), dan di tahap awal ini pendidikan bermula dengan akhlak. Ibn Sīna menggunakan istilah *Ta'dīb*.⁴⁰ bagi menjelaskan kepentingan pendidikan akhlak di tahap ini, bukan *Ta'lim* atau *Tarbiyah*. Rasional perkataan *Ta'dīb* di sini menjurus ke bidang akhlak yang lebih bersifat defensif; iaitu sebelum kanak-kanak ini berhadapan dengan tingkahlaku yang tidak baik dan kecenderungan yang buruk (*al-akhlāq al-lā'imah*).⁴¹ Ini sudah tentu dalam konteks pergaulan dengan rakan sebaya dan lain-lain. Alasan Ibn Sīna dalam konteks ini ialah biasanya kanak-kanak itu boleh cepat terpengaruh dengan bentuk-bentuk akhlak yang buruk atau tabiat yang tidak baik. Mereka juga katanya belum tahu tentang nilai dan perbezaan baik-buruk dan belum tahu untuk mengelak dirinya. Justeru itu adalah lebih berfaedah kepada mereka sendiri supaya sentiasa berjauhan dari bentuk-bentuk berkenaan. Inilah pendekatan defensif yang ditekankan oleh Ibn Sīna pada tahap awal ini.

³⁹ *Ibid.*

⁴⁰ *Ibid.*

⁴¹ *Ibid.*

Bagaimanakah pula untuk mencapai proses *ta'dīb* yang berkesan? Ibn Sīna menerangkan beberapa pendekatan praktikal untuk digunakan. Antaranya ialah dengan menjadikan mereka merasa takut sambil menggalakkan mereka belajar, beri semangat, marah dan puji pada hal-hal yang sesuai. Jika perlu kepada pukulan selepas diberi amaran, maka ia hendaklah dilakukan tanpa kekerasan. Tujuan pukulan hanyalah untuk merasakan sedikit kesakitan kepada mereka justeru untuk memberikan pengajaran.⁴²

(ii) Pengajian Agama dan Kesusasteraan

Apabila kanak-kanak membesar, sudah boleh bercakap dan mendengar dengan baik, maka ia perlu mula belajar dan menghafal al-Qur'an, mempelajari huruf alphabet dan agama.⁴³ Sekaligus kanak-kanak itu boleh mulai belajar puisi-puisi yang mudah kemudiannya *qasīdah*. Di sini ia mesti mula dengan puisi kerana ia lebih senang untuk diingati, justeru ia ringkas dan mudah bentuknya.⁴⁴ Tujuan pengajian ini di tahap ini menurut Ibn Sīna ialah kerana ingin mendapatkan kebaikan adab (*faḍl al-adab*), menyintai ilmu pengetahuan dan elak kebodohan. Isi puisi-puisi itu pula hendaklah ada gesaan supaya menghormati ibubapa (*bir al-wālidāin*), mengamalkan tingkahlaku yang mulia (*istina' al-ma'rūf*) serta memuliakan tetamu (*qira al-ḍaif*) dan lain-lain ciri akhlak mulia (*makārim al-akhlāq*).⁴⁵ Di sini didapati dengan jelas bidang puisi atau sastera digunakan untuk tujuan-tujuan pendidikan insan yang mulia.

Di sini, Ibn Sīna juga tidak lupa menerangkan tentang kualiti seorang guru yang baik. Seorang guru yang baik adalah guru yang bijak dan beragama (*'āqilan dhā dīn*), sentiasa praktis akhlak yang baik dan ada minat untuk mendidik.⁴⁶ Dia berwatak tenang dan tidak bodoh. Mudah berkorban dan senang menolong kanak-kanak atau pelajar-pelajar, bersih, amanah, tidak "rigid" dan mudah

⁴² *Ibid.*

⁴³ *Ibid.*

⁴⁴ *Ibid.*

⁴⁵ *Ibid.*

⁴⁶ *Ibid.*

mesra. Ada pengalaman dalam pendidikan terutamanya pernah mengajar anak orang-orang yang baik-baik, tahu dan faham tentang akhlak-akhlak yang terpuji (*akhlāq al-mulūk*) dan sentiasa menjauh diri dari akhlak-akhlak yang keji (*al-akhlāq al-sufla*).⁴⁷ Ia sentiasa ambil perhatian terhadap adab-adab makan-minum, berbicara dan bersosial.

(iii) Pengajian Lanjutan

Apabila sempurna mempelajari al-Qur'an dan agama serta mengingat asas-asas bahasa, pemerhatian perlu dibuat terhadapnya tentang kursus-kursus yang sesuai dengannya serta masa depan atau pekerjaannya di hari muka.⁴⁸ Minat mereka juga perlu diperhatikan. Jika mereka minat kepada penulisan (*al-kitābah*), ia perlu belajar bahasa, penulisan dan retorika. Ia juga perlu mempelajari matematik (*al-ḥisāb*) dan pengumpulan puisi-puisi. Jika ia minat lain-lain subjek, Ibn Sīna menggesa supaya hal ini diambilkira.⁴⁹ Penyesuaian perlu kepada pelajar. Pelajaran kesusasteraan ini pun bukanlah sesuatu yang mudah dan bukan semua orang boleh belajarnya. Ibn Sīna membayangkan bahawa setiap tahap didapati ada kelebihanannya.

(iv) Pengajian Tinggi

Selanjutnya, Ibn Sīna menerangkan tahap yang lebih tinggi. Pelajar boleh pilih sama ada matematik (*al-ḥisāb*), kejuruteraan (*al-handasah*) atau perubatan (*al-ṭibb*). Beginilah yang terjadi pada tiap-tiap tahap hingga sempurna.⁵⁰ Subjek-subjek ini menurut Ibn Sīna adalah puncak dari skema pendidikannya yang telah dimulakan sejak selepas tamat penyusunan tadi. Setiap tahap umur disesuaikan dengan pelajaran dan ilmu pengetahuan.

Apa yang beliau sarankan itu lebih bersifat rasional, dengan erti untuk semua lapisan rakyat. Namun katanya ada juga mereka yang terpelajar (*ahl al-'aql*) tidak suka menuruti skema itu. Mereka

⁴⁷ *Ibid.*

⁴⁸ *Ibid.*

⁴⁹ *Ibid.*

⁵⁰ *Ibid.*

memilih jalan sendiri dengan melakukan pengorbanan sendiri. Kumpulan ini menurutnya pada akhirnya tidak mampu untuk mencapai apa yang dicita-citakan.⁵¹

Guru-guru adalah ejen penting kemajuan para pelajar. Dalam hal ini, guru-guru perlu perhatikan tabiat, minat serta kecerdikan pelajar dan sesuaikan ilmu yang dipelajari dengan pekerjaan. Ini boleh membantu pelajar menentukan masa depannya. Kemudian bolehlah ia betulkan niat dan keazaman kepada alam pekerjaan. Semua usaha-usaha ini boleh membentuk kehidupannya yang berbeza dari sebelumnya.⁵²

Apabila sudah mendapat kerja dan mahir, seseorang itu perlu menikmati faedah darinya iaitu upah atau gaji dan dari situ ia boleh membina kehidupan. Jadi dua perkara boleh didapati hasil dari ilmu dan kemahiran tadi iaitu hidup senang dan memiliki harta (gaji) apabila ada kenaikan pangkat. Dari sini ia sudah mampu membina keluarga sendiri, terpisah dari orang tuanya.⁵³

5

Perbandingan

Plato dan Ibn Sīna memiliki pandangan yang sama bahawa "pendidikan" adalah sangat penting. Pendidikan adalah instrumen perubahan manusia yang penting. Oleh itu bagi mereka, sama ada lelaki atau wanita, kewajipan menuntut ilmu adalah serupa. Tidak ada diskriminasi. Pendidikan yang baik akan menghasilkan rakyat yang baik dan rakyat yang baik ini dibentuk oleh sistem pendidikan dan ilmu yang baik.

Pendidikan Plato menurut ulasan Rapar, memperolehi tempat yang paling utama dan mendapat perhatian yang paling khusus dan istimewa, bahkan dapatlah dikatakan bahawa pendidikan adalah tugas dan tuntutan yang sangat mulia yang harus diselenggarakan oleh negara. Dapatlah difahami mengapa Plato memberi tempat dan peranan sangat istimewa bagi pendidikan di dalam negara

⁵¹ *Ibid.*

⁵² *Ibid.*

⁵³ *Ibid.*

idealnya.⁵⁴

Negara atau kerajaan yang berkuasa wajib mengadakan sistem pendidikan ini. Pada mereka berdua ini adalah tanggungjawab nasional. Undang-undang yang sesuai mesti dibentuk supaya ibubapa mendidik anak-anak mereka atau dihantar ke institusi pendidikan. Guru-guru perlu disediakan. Tujuan pendidikan bagi kedua-dua tokoh itu adalah sama iaitu untuk mencapai kebaikan (*al-faḍīlah* - *virtue*) dalam kehidupan.

Selain beberapa persamaan pada tahap dasar dan falsafah, usaha-usaha mereka berdua menampilkan beberapa perbezaan. Perbezaan antaranya ialah Plato memberi perhatian lebih serius berbanding Ibn Sīna. Plato menulis secara mendalam tentang tajuk ini. Beliau mahu membentuk suatu reformasi ilmiah dalam politik akibat dari kemalangan yang menimpa gurunya Socrates, manusia baik dan mulia yang tidak wajar dihukum demikian rupa. Reformasi itu lebih berkesan melalui pendidikan. Justeru itu bidang ini sangat diambil berat. Banyak tulisan-tulisannya yang mengulas hal ini. Ibn Sīna tidak menghadapi masalah latarbelakang seperti itu. Beliau tidak tertekan seperti Plato. Justeru tulisannya pun banyak mengarah dalam falsafah, perubatan dan sebagainya. Citarasa politik jika ada, diterapkan dalam arena pentadbiran yang beliau sendiri ceburi. Ini telah pun disebutkan di atas. Oleh itu mekanisma berfikir politik Ibn Sīna tidaklah serius seperti yang dilakukan oleh Plato.

Namun persoalan perbezaan yang lebih dasar ialah pengaruh agama dan budaya hidup persekitaran yang mampu mempengaruhi seseorang. Plato terbiasa hidup dalam situasi sosio-budaya yang baik dan kemudian menurun. Tahap kemajuan intelek yang sedang berkembang dan pengaruh agama yang berbeza antara kumpulan elit-cendekiawan dengan orang-orang awam. Plato terdedah dan terbuka dalam senario yang lebih bebas. Sementara Ibn Sīna dipengaruhi oleh situasi agama dan amalan agama Islam. Kebudayaan yang bercirikan perspektif agama ini telah mendominasi perspektif kehidupan walaupun tidak semestinya

⁵⁴ Rapar, J.H., 1989, *Falsafah Politik Plato*, terj. W.A. Rahman W.A Latif, Kuala Lumpur: DBP, hlm. 84.

serba sempurna. Ciri-ciri ajaran dan budaya Islam itu didapati ada mencorakkan sistem berfikirnya seperti yang tertera dalam pelbagai tulisannya.

Spektrum umum dasar pendidikan Plato dan Ibn Sīna ialah untuk membina manusia yang baik melalui pendidikan sepadu meliputi akhlak, agama, ketinggian mental dan emosi. Kedua-dua mereka menekankan dengan serius tahap pendidikan di bawah 10 tahun. Kewajipan di tahap ini terpikul di atas bahu ibubapa. Ibubapalah yang bertugas sepenuh masa mendidik anak-anak. Ibn Sīna menekan pada tahap yang amat muda iaitu selepas selesai proses penyusuan (*al-radā'at*). Jenis pendidikan di sini ialah akhlak. Ini penting menurutnya sebelum kanak-kanak itu terdedah dengan nilai-nilai luar yang mungkin tidak baik dan kanak-kanak itu pula biasanya tidak boleh menolak pengaruh berkenaan. Mereka juga belum mampu untuk membezakan antara baik dan buruk. Oleh itu pendidikan akhlak ditentukan oleh Ibn Sīna di tahap awal sebagai dasar hidup. Matlamat akhirnya ialah kebahagiaan dalam keluarga.

Di sini didapati ada persamaan dengan kurikulum Plato. Dalam bukunya *The Laws*, kanak-kanak setelah berusia tiga tahun hinggalah ke usia enam tahun, akan dibawa berhimpun dibiara-biara. Tiap-tiap kampung ada perhimpunan ini. Alasan berbuat demikian menurut Plato ialah:

"They should be kept in order and restrained from bad behaviour by their nurses, who should themselves be supervised."⁵⁵

Kanak-kanak ini dijaga, diawasi dan dibimbing oleh kaum wanita. Selepas enam tahun "*the sexes should be separated; boys should spend their days with boys, and girls with girls. Each should attend lessons*".⁵⁶ Kemudian aktiviti pendidikan berbeza juga.

"The males should go to teachers of riding, archery, javelin-throwing and slinging - and the female too, if they

⁵⁵ Plato, 1970, *The Laws*, trans. Trevor J. Saunders, Penguin Books, hlm. 278-9.

⁵⁶ *Ibid.*

are agreeable, may attend at any rate the lessons, especially those in the use of weapons”.⁵⁷

Jadi Plato juga menekankan persoalan akhlak. Tetapi beliau tidak sahaja memberatkan persoalan ini, sebaliknya digandingkan dengan kemantapan fizikal. Oleh itu beliau mengajukan pendidikan gimnastik dan muzik. Gimnastik adalah untuk menguatkan fizikal kanak-kanak sementara muzik bertujuan membentuk jiwa yang murni. Antara dua subjek ini, Plato lebih menekankan gimnastik. Di sinilah fokus perbezaan berbanding dengan Ibn Sīna. Ibn Sīna tidak memberikan perhatian terhadap kesihatan fizikal. Sedangkan Plato merancang kesihatan fizikal dan akhlak sekaligus, mekanisma akhlaknya berlainan berbanding Ibn Sīna, tetapi dasarnya sama. Muzik tidak serius di dunia Islam sebab pelajaran agama sudah ada.

Muzik dan gimnastik merupakan dua gandingan subjek yang dianggap penting bagi masyarakat Athen terutamanya kerana gimnastik telah menjadi satu warisan ilmu Yunani. Gimnastik juga menjadi penjana kepada perubatan. Muzik mengubat jiwa. Para pelajar diajar teori dan praktikal dalam bidang ini hingga mereka mampu bermain alatan muzik dan menyanyi. Apabila tamat persekolahan mereka boleh mengingati lagu dan puisi yang mengandungi unsur-unsur agama dan budaya bangsa mereka.⁵⁸

Proses pendidikan di tahap usia 14 hingga 16 tahun pula menekankan perkembangan emosi dan jiwa yang baik bagi Plato. Justeru muzik, puisi dan sajak diajarkan di tahap ini. Semua subjek ini boleh membentuk landasan yang baik untuk menghidupkan ‘keadilan’. Nilai-nilai yang negatif boleh dihindarkan. Puisi-puisi yang tidak meransang kepada nilai manusia yang baik dijauhi. Ibn Sīna melangkah dari pendidikan akhlak, kebahagiaan pendidikan agama. Pelajar-pelajar diajar menghafal al-Qur’an, mempelajari huruf alphabet dan membaca. Mereka juga didedahkan dengan puisi dan *qasidah*. Objektifnya menurut Ibn Sīna ialah untuk mendapatkan kebaikan adab (*faḍl al-adab*), mencintai ilmu dan

⁵⁷ *Ibid.*

⁵⁸ Luce, J.V., 1994, *An Introduction to Greek Philosophy*, London: Thames and Hudson, hlm. 33.

mengelakkan kebodohan. Isi puisi-puisi itu pula sama seperti gagasan Plato iaitu hindari nilai-nilai tidak baik sebaliknya dipupuk supaya hormati ibubapa, mengamalkan tingkahlaku mulia dan menghormati tetamu. Oleh itu kedua-dua tokoh pemikir ini memiliki falsafah yang sama tentang hakikat kecintaan terhadap ilmu dan pemurnian akhlak.

Plato terus membuat skema pembahagian menurut tahap usia pelajar-pelajar. Usia antara 16 hingga 18 tahun, iaitu usia belia, beliau menekankan pembangunan intelek. Subjek matematik diajar dan diharapkan mampu membentuk kecemerlangan fikiran. Tetapi soal-soal agama dan akhlak tidak diketepikan. Suatu bangsa itu menurut Plato, akan kuat jika mereka percaya pada Tuhan. Kemudian antara usia 18 hingga 20 tahun pelajar-pelajar tersebut dilatih dengan mekanisma ketenteraan. Tujuannya ialah mahu memupuk semangat berani dan sedia berkorban. Ibn Sina menganjurkan agar pelajaran dan minat pelajar diselaraskan pada tahap ini. Di samping keberkesanan ilmu, Ibn Sina juga mahu menyediakan pelajar-pelajar itu dengan alam pekerjaan nanti. Selain ilmu-ilmu yang bersifat bahasa, penulisan dan retorik, Ibn Sina juga sama seperti Plato menekankan perlunya matematik diajar pada tahap ini.

Plato tidak Ibn Sina, mencadangkan diadakan peperiksaan yang pertama setelah pelajar-pelajar itu berusia 20 tahun. Pelajar yang berjaya akan diberi peluang menyambung pelajaran mereka selama 10 tahun lagi iaitu sehingga ke usia 30 tahun. Di tahap ini diadakan lagi peperiksaan. Ibn Sina tidak menyebutkan hal peperiksaan ini. Apa yang beliau tekankan ialah tahap ini ialah tahap pengajian tinggi tanpa beliau menyebutkan soal usia. Pelajarannya pula ialah matematik, kejuruteraan dan juga perubatan. Inilah puncak skema dalam sistem Ibn Sina.

Plato yang menekankan soal peperiksaan itu adalah suatu mekanisma untuk memilih pelajar-pelajar yang benar-benar baik untuk disambungkan pengajian selama 5 tahun lagi. Pelajar yang gagal akan diterima masuk ke dalam pentadbiran kerajaan. Untuk yang berjaya ke tahap akhir tadi, pelajaran yang ditempah ialah

mengenai kewujudan (*of being*), ajaran tentang ide dan dialektik. Ibn Sīna tidak sampai detil begini. Plato membawa pelajar hingga ke usia 35 tahun adalah suatu kerangka kerja beliau untuk melahirkan pemimpin-pemimpin negara yang cemerlang. Selepas 35 tahun, Plato mencadangkan pelajar genius itu akan diserap dalam perkhidmatan awam selama 15 tahun, yang bererti mereka akan tamat perkhidmatan pada usia 50 tahun. Kemudian mereka akan diterima masuk dalam barisan pimpinan politik dan kerajaan. Ertinya kemasukan mereka di arena itu adalah dengan bekalan ilmu dan pengalaman yang mencukupi. Kumpulan Aristokrasi inilah yang diharapkan oleh Plato untuk merobah situasi politik Athen.

Ternyata kedua-dua tokoh pemikir ini bertolak dari gagasan yang sama tentang kepentingan pendidikan. Berbanding antara keduanya, mereka berbeza dari sudut pendekatan yang terjelma dalam struktur dan sistem yang diberikan. Plato mahu kecemerlangan dalam ketiga-tiga komponen manusia iaitu akal-fikiran, akhlak dan kemandirian fizikal. Ini semua berbalik kepada tuntutan perubahan politik beliau di Athen. Ibn Sīna tidak mementingkan persoalan kemandirian fizikal. Beliau langsung tidak menjelaskan tentang kepentingan ini. Hal ini terjadi adalah disebabkan oleh tumpuan Ibn Sīna kepada aspek akhlak dan kecemerlangan akliyah yang mampu membuka daya fikir seseorang untuk mencapai kebaikan (*faḍīlah - virtue*). Dari sini seseorang itu akan dibimbing kepada *ma'rifah* yang tertinggi yang akhirnya akan memberikan kebahagiaan. *Kitāb al-Ishārāt wa al-Tanbīhāt* misalnya ada menjelaskan persoalan ini. Setengah-setengah tulisan zaman moden ini juga ada menyentuh tentang aspek negatif pembangunan fizikal. Pembangunan ini boleh menjadi penghalang kepada pembangunan mental. John P. Wynne dalam bukunya *Theories of Education* misalnya ada menjelaskan perkara ini:

“.....Physical development is typically neglected and physical activity is considered an obstacle to mental development, either to be eliminated insofar as possible, or to

be tolerated as a necessary relief then encouraged for its own sake.”⁵⁹

Plato sangat mengambil berat soal latihan fizikal. Sebab padanya pelajaran itu secara umum terbahagi kepada dua bahagian; iaitu latihan fizikal untuk tubuh-badan dan pendidikan budaya (*cultural education*) untuk kesempurnaan personaliti. Latihan fizikal pula menurut Plato dalam *The Laws* boleh dipecahkan kepada dua bidang iaitu “*dancing and wrestling*.” Latihan ini boleh menguatkan anggota badan, menyihat dan mencantikkan badan.⁶⁰

Kesimpulan, kedua-dua pemikir Barat dan Islam ini bertolak dari hakikat kepentingan pendidikan sebagai satu tanggungjawab ibubapa dan negara. Plato yang mula menjelaskan perkara ini dalam *The Republic* diperbaiki lagi dalam *The Laws* dan lain-lain; malah terus dijalankan dalam institusi ilmu yang beliau asaskan “*Academy*”. Matlamatnya ialah hendak membentuk sebuah negara ideal. Ibn Sīna, yang sibuk dalam urusan pentadbiran negara dalam pelbagai tahap, tidak sempat menubuhkan institusi seperti itu. Tetapi usaha-usaha informal dalam kegiatan ilmu ada dilakukan. Muridnya al-Juzjānī telah menceritakan bahawa sebelah siang Ibn Sīna sibuk dengan urusan pentadbiran negara bersama Syam al-Dawlah tetapi di sebelah malamnya mereka mengadakan majlis-majlis ilmu di rumah Ibn Sīna sendiri:

“Di rumah Ibn Sīna tiap-tiap malam berkumpul penuntut-penuntut ilmu. Saya membaca buku *al-Syifā’* dengan beliau dan dengan orang lain dibaca *al-Qānūn* dengan berganti-ganti.”⁶¹

Sumbangan mereka berdua dalam bidang ini sangat penting. Ia menjadi asas kepada evolusi perkembangan pendidikan dunia.

⁵⁹ Wynne, J. P., 1963, *Theories of Education*, hlm. 9.

⁶⁰ Plato, *The Laws*, hlm. 281.

⁶¹ Shalaby, A., 1976, *Sejarah Pendidikan Islam*, terj. H. Muchtar Jahya et al., Singapura: Pustaka Nasional, hlm. 42.